



KENYATAAN MEDIA

OLEH
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

USUL-USUL UNTUK MENGOSONGKAN JAWATAN YANG DIPERTUA DEWAN RAKYAT

Saya merujuk kepada laporan Utusan Malaysia bertajuk "15 Usul Tukar Speaker di Tolak" bertarikh 1 September 2021.

Pejabat saya sememangnya menerima pemberitahu usul-usul untuk saya mengosongkan jawatan saya dan juga supaya individu lain dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Sebaik sahaja pejabat saya menerima usul-usul tersebut, saya telah utuskan surat kepada kesemua pengusul bahawa saya tidak akan sama-sekali membuat apa-apa keputusan mengenai semua usul tersebut kerana saya mempunyai percanggahan kepentingan (*"conflict of interest"*). Apa-apa keputusan mengenai usul-usul tersebut diserahkan kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Dato' Haji Mohd. Rashid bin Hasnon.

Saya tidak pernah mengambil bahagian dalam apa cara sekalipun atau campur tangan di dalam apa-apa keputusan mengenai usul-usul tersebut. Malah saya tidak tahu menahu mengenai apa-apa keputusan yang mungkin telah dibuat oleh YB Timbalan Yang di-Pertua mengenai usul-usul tersebut.

Laporan Utusan Malaysia yang mengatakan, antara lainnya, bahawa saya telah "mengetepikan usul berkenaan daripada dibahas" dan juga yang mempunyai unsur *inuendo* bahawa usul-usul tersebut ditolak oleh saya adalah tidak benar dan saya anggap bersifat pembohongan dan fitnah dan dibuat dengan niat untuk menjatuhkan reputasi saya.

Saya akan mendapatkan nasihat undang-undang mengenai perkara ini dalam masa yang terdekat.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

2 September 2021
Parlimen Malaysia